

Headline	<b>Elok fikir sendiri kesan kegiatan negatif</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>14. Jun 2008</b>	Page No	<b>12</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>175 cm2</b>
Section	<b>Nasional</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



# Elok fikir sendiri kesan kegiatan negatif

**A**GAK lama kita tidak mendengar berita penahanan beberapa rakyat Malaysia yang kebanyakannya wanita di penjara di luar negara kerana kesalahan menyeludup dadah ke Amerika Selatan, Eropah dan beberapa negara di Asia.

Akhbar ini pernah mendedahkan laporan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Zulhasnan Najib Baharuddin, bahawa angka rakyat negara ini yang ditahan itu kini sudah mencecah 118 orang.

Di Peru saja 12 rakyat Malaysia kini merengkok dalam penjara kerana kesalahan itu sejak Januari 2007 lalu dan sembilan daripada mereka wanita. Semalam, *Berita Harian* turut mendedahkan lagi berita wanita Malaysia ditahan di Britain kerana isu sama.

Angka yang diumumkan itu ternyata besar dan amat memalukan negara khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Secara umumnya, kebanyakan yang ditahan dikatakan menjadi mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Malah, dilaporkan juga bahawa negara ini dijadikan pusat merekrut penyeludup dadah yang akan dibawa ke negara kedua sebelum diarah meng-

hantar dadah ke negara destinasi.

Saya ragu dengan alasan bahawa mereka yang ditahan itu menjadi 'mangsa' sindiket berkenaan. Mangsa bererti korban atau pihak yang menerima kesan akibat perbuatan jahat atau kejadian yang tidak dapat dikawal seperti kemalangan.

Ini bermakna, mereka yang menjadi mangsa tidak mampu mengawal kejadian yang mereka alami. Kejadian yang menimpa pula berlaku secara tidak disangka-sangka. Dalam beberapa kes yang dapat dikesan, kebanyakan mereka yang ditahan mengangku tertarik dengan tawaran pendapatan lumayan jika mahu bekerja di luar negara, di samping tawaran dan peluang melancong ke destinasi tertentu.

Maknanya, mereka secara sedar menerima tawaran pekerjaan itu tanpa memikirkan secara mendalam dan mengkaji atau menyiasat kesahihannya.

Bagi saya, kejadian malang sebegini berpunca daripada kelemahan berfikir seseorang. Secara logiknya, tidak mungkin kita boleh mendapat upah besar dengan hanya melakukan pekerjaan menghantar barang ke destinasi tertentu.

Tambahan pula, dalam era telekomunikasi yang serba canggih kini,

promosi dan penghantaran barang tidak perlu lagi menggunakan kaedah kuno seperti itu. Melainkan dalam keadaan terpuakau atau diugut, tidak semudah itu kita boleh terpedaya oleh orang yang baru dikenali atau tidak dikenali sama sekali untuk melakukan tugas seperti itu.

Saya hairan kerana kebanyakan wanita yang terbabit berusia dalam lingkungan 20-an, sudah melalui sistem pendidikan kebangsaan yang menerapkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam semua subjek yang diajarkan di sekolah.

Tahun ini, sudah masuk 10 tahun komponen ini diterapkan secara langsung dalam sistem persekolahan kita. Tidak cukup dengan itu, penerapan komponen ini turut dibuat pada peringkat institusi pengajian tinggi juga sebagai kursus elektif.

Hal ini menunjukkan, kerajaan dan pelbagai pihak yang terbabit dalam menyediakan generasi pewaris negara, sudah berusaha sedaya upaya untuk melahirkan rakyat yang mempunyai daya kecekapan berfikir pada aras tertinggi yang mampu dicapai oleh seseorang individu.

Selepas melalui sistem pendidikan selama sekurang-kurangnya 11 tahun, kita berasa hairan bagaimana masih ada segelintir rakyat Malaysia

yang tidak boleh berfikir untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan kejadian seperti itu.

Bukan sekali dua kejadian seperti ini berlaku, malah saya yakin ada di kalangan anggota masyarakat mempertikaikan alasan bagaimana wanita itu boleh terperangkap dan melakukan kerja itu.

Pihak keselamatan di mana-mana hanya boleh menyekat gangguan yang datang secara fizikal. Tetapi jika anak itu berjaya dipengaruhi, hal ini bukan lagi berkaitan dengan keselamatan fizikal. Ini adalah soal kekuatan minda, sejauh mana seseorang itu mampu berfikir secara logik dan rasional.

Tiada tembok sekukuh dan setinggi manapun dapat menghalang pencerobohan minda kerana hal itu tetap boleh berlaku melalui medium lain. Buktinya, kebanyakan mangsa mengaku terpedaya dengan tawaran berkenaan melalui promosi dan iklan di internet.

Iktibar daripada kejadian seperti ini, masyarakat perlu segera menyedari bahawa kita memerlukan kekuatan minda untuk menghadapi cabaran dunia yang semakin kalut. Pelbagai cara dilakukan untuk mengaut keuntungan segera tanpa usaha keras.

Ingatlah sentiasa, tiada jalan pintas untuk mencapai kejayaan. Gejala sosial yang banyak berlaku sekarang ini, kebanyakannya berpunca daripada kelemahan kita berfikir. Pada hal, kita sudah sama-sama melalui proses pendidikan formal dan tidak formal yang menerapkan elemen kemahiran berfikir itu.

Kisah Sufiah Yusof, juga perlu menjadi iktibar bahawa setinggi mana pun IQ seseorang, jika minda tidak berfungsi dengan baik, kita masih boleh terjebak dalam kancah negatif. Apatah lagi jika IQ kita tidak secerdas itu.

Isu genius dan kemahiran minda untuk berfikir adalah dua perkara berlainan. Buktinya, masih ada berita yang menyatakan wujudnya mahasiswa yang merempit, menagih dadah dan menjadi teman sosial.

Jadi kesimpulannya, kita jangan terlalu percaya bahawa apabila anak sudah mendapat pendidikan yang tinggi, mereka akan menjadi pemikir yang cekap. Selagi boleh, ibu bapa harus ambil tahu dan tidak lepas tangan apabila anak sudah besar panjang.

**DR SHARIFUDDIN LUBIS,**  
Universiti Putra Malaysia,  
Serdang, Selangor.